



# BAHASA MELAYU TINGGI SEBAGAI BAHASA ILMU

**K**EMAJUAN sesebuah negara atau bangsa itu dicapai menerusi pembangunan dan pengembangan maklumat, sains dan teknologi dalam kepustakaan yang menggunakan bahasa sendiri, iaitu pada kita “bahasa Melayu tinggi”. Bahasa rendah tidak dapat membawa fungsi ini. Inilah yang berlaku kepada semua bangsa yang membangun hingga kini. Marilah kita lihat dua contoh dalam sejarah pembangunan negara dan bangsa, iaitu empayar Islam dan negara Jerman.

Para ilmuwan Islam menterjemahkan ilmu daripada bahasa Yunani, Latin, Parsi dan India ke dalam bahasa Arab tulisan, iaitu bahasa Arab tinggi. Mereka menerapkan ilmu tersebut bagi menyelesaikan masalah praktikal.

Di bawah pemerintahan Khalifah al-Mansur (714 – 775M), membawa kepada pemerintahan al-Makmun (813 – 833M) pusat ilmu berpindah dari Bizantin (Rom Timur) ke Baghdad. Ilmuwan berkembang di Baghdad, banyak ahli matematik dan astronomi menjalankan kajian. Kajian astronomi menggalakkan perkembangan ilmu aritmetik dan algebra. Daripada golongan inilah munculnya Naubakht (astronomi), Hussain al-Sufi (menghasilkan kajian agung astronomi), Omar Khayyam (sains Islam, matematik), Habash al-Hasib (jam suria), al-Farghani (mengira diameter bumi, dan jarak serta saiz bintang).

Dalam bidang perubatan pula, kita melihat asas ilmu yang dibina atas gabungan ilmu dari Yunani, India dan Parsi menimbulkan suasana yang mencetuskan ilmu baharu. Antaranya, ada pakar

perubatan yang banyak menulis, iaitu al-Razi keturunan Parsi dan tinggal di Baghdad. Beliau mempelajari ketiga-tiga sumber ilmu perubatan itu daripada Ibnu Ishaq, dan menghasilkan lebih daripada 200 buah karya. Ibnu Sina pula, yang juga seorang ahli falsafah menyambung usaha Hippocrates dan Galen, iaitu dua orang pakar perubatan Yunani. Karyanya *Kanun Perubatan* merupakan sebuah ensiklopedia ilmu perubatan berjaya diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Eropah. Semasa ilmuwan Islam mengkaji sains, ilmu lain juga berkembang. Banyak sumbangan keilmuan seperti Ibnu Khaldun, al-Qadir Jilani, al-Ghazali dan al-Batalyusi dalam kepustakaan Islam terakam dalam bahasa Arab tinggi.

Dua buah buku sejarah Islam ini, iaitu karangan O’Leary (1966) dan Nakosteen (1964), menyenaraikan sumbangan penterjemah dalam segala bidang ilmu ini. Senarainya panjang dan mengagumkan. Beberapa ciri penting dalam perkembangan ilmu Islam ini dapat kita lihat.

Yang pertama, bahawa ilmu seterusnya berkembang daripada ilmu yang dibawa masuk melalui terjemahan. Daripada meniru, ilmuwan Islam belajar mencipta. Yang kedua, mereka juga tidak menjurus kepada satu bidang sahaja. Ibnu Sina umpamanya, seorang ahli falsafah, ahli matematik, dan ahli muzik yang juga menulis risalah tentang muzik. Ilmu yang dibina oleh sarjana Islam itu terlalu pelbagai sifatnya.

Sarjana dan Khalifah Islam sentiasa mengutamakan penulisan buku ilmu, dan hal ini bermaksud bahawa bahasa Arab yang digunakan itu merupakan bahasa Arab tinggi. Pemerintahan pada zaman itu hingga ke zaman al-Makmun menunjukkan



Bahasa Melayu kini seiring dengan perkembangan bidang sains dan teknologi.

bahawa apabila bahasa Arab tinggi digunakan sebagai bahasa pentadbiran, bahasa tersebut berkembang menjadi bahasa wahana ilmu.

Begitu juga negara maju yang lain, kita sering bercerita tentang Jepun, Korea, Taiwan dan China yang membangun menggunakan bahasa sendiri. Namun sebenarnya, itulah juga yang dilakukan oleh negara-negara Barat sebelum itu.

Pada abad ke-17, Perancis, Itali dan Inggeris sudah mula menjadi negara maju apabila industrinya berkembang. Sebaliknya, Jerman masih mundur. Pemimpin Jerman hairan mengapa hal ini berlaku, padahal banyak ilmuwan dalam kalangan orang Jerman. Orang Jerman rajin bekerja dan negara tersebut mempunyai lebih banyak sumber alam berbanding dengan negara lain. Jerman juga menggunakan bahasa Perancis dan Latin sebagai bahasa pengantar di sekolah dan universiti. Bahasa Perancis dan Latin merupakan bahasa ilmu ketika itu. Bahasa Perancis juga menjadi bahasa perdagangan dan komunikasi antarabangsa. Oleh sebab itu, apakah yang tidak kena dengan Jerman?

Pada ketika itu, ada seorang ahli falsafah dan matematik Jerman bernama Gottfried Wilhelm Leibniz (1646-1716). Beliau sendiri terdidik dalam bahasa Latin dan Perancis. Namun demikian, beliau sendiri tidak berupaya memandaikan bangsanya yang berbahasa Jerman. Dalam pemikirannya, Leibniz menyedari bahawa usaha ini timbul daripada amalan orang Jerman yang menggunakan bahasa Perancis dan Latin di sekolah dan universiti. Di samping itu, mereka menggunakan bahasa Perancis dalam komunikasi perdagangan dan dalam kalangan masyarakat atasan.

Leibniz menyedari bahawa bangsa Jerman hilang kepercayaan kepada bahasa Jerman. Mereka sibuk mengatakan bahawa hanya bahasa Perancis yang mengandungi ilmu, bahasa antarabangsa, dan bahasa yang boleh membawa kemajuan. Sebagai akibatnya mereka mengabaikan bahasanya sendiri. Dalam pada itu pun Leibniz melihat bahawa orang Perancis sendiri tidak menerima mereka yang berbahasa Perancis itu sebagai sebahagian daripada elit masyarakat Perancis.

Oleh sebab itu, Leibniz meyakinkan orang Jerman supaya menerima bahasa Jerman menerusi strategi seperti yang berikut;

1. Membina nahu bahasa Jerman.
2. Menyusun kamus dan daftar istilah Jerman.
3. Bahasa Jerman dijadikan pengantar di sekolah dan universiti.
4. Bahasa Jerman digunakan sebagai bahasa pentadbiran negara.
5. Bahasa Jerman digunakan sebagai bahasa perniagaan.
6. Bahasa Jerman dijadikan bahasa komunikasi umum dalam semua bidang dan peringkat.

Langkah yang dilakukan terhadap bahasa Jerman ini merupakan strategi untuk membangunkan bahasa Jerman tinggi, bahasa ilmu dan bahasa komunikasi rakyat Jerman. Strategi beliau itu disokong oleh orang Jerman yang percaya terhadap perjuangannya. Pada sekitar tahun 1750-an, terbitlah sebuah nahu bahasa Jerman yang ditulis oleh Johan Christoph Gottsched, dengan judul *Asas-asas Nahu Bahasa Jerman*. Sambutan rakyat dan golongan intelektual terhadap buku nahu itu sangat luar biasa. Hal ini menunjukkan bahawa patriotisme rakyat Jerman



terhadap bahasanya. Nahu bahasa Jerman ini membuktikan semua bahawa bahasa Jerman itu bahasa yang teratur yang sama mampu dengan bahasa-bahasa di mana-mana pun di Eropah.

Bermula dari tarikh itu, bahasa Jerman terus membangun dan digunakan dalam bidang yang diusulkan oleh Leibniz. Itulah saat yang merupakan permulaan kebangkitan bangsa Jerman sebagai satu daripada negara maju di dunia.

Leibniz meninggal dunia pada tahun 1716 dan tidak menyaksikan hasil perjuangannya. Namun demikian, wawasannya telah memupuk jalan yang meletakkan bahasa Jerman sebagai bahasa utama yang memainkan peranannya sebagai bahasa pendidikan, pentadbiran dan perhubungan dalam semua bidang termasuk perniagaan dalam kalangan rakyat Jerman.

Kita dapat belajar daripada peristiwa ini, perjuangan Leibniz membentuk bahasa Jerman tinggi memang berjaya membawa perubahan kepada Jerman. Bahasa Jerman tinggi bukan sekadar berkembang menjadi bahasa pengucapan intelektual, tetapi juga berjaya mendemokrasi pendidikan.

Daripada peristiwa sejarah yang dilalui oleh orang Islam, dan rakyat Jerman, kita juga hendaklah membina bahasa Melayu tinggi. Kita perlu membina kepustakaan dalam bahasa Melayu tinggi itu. Bidang ilmu, sains dan teknologi itu hendaklah disampaikan dalam bahasa Melayu tinggi juga. Dengan demikian barulah kita dapat merobohkan tembok yang menghalang pendemokrasi pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia. Ada beberapa perkara yang perlu juga kita lakukan:

### Mengimport Ilmu melalui terjemahan dan adaptasi

Jalan keluar yang ternyata menguntungkan semua rakyat ialah ilmu hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu tinggi. Usaha ini perlu dirancang supaya semua bidang penting ilmu dapat diterjemahkan.

### Sarjana Kunjungan

Pada zaman kesarjanaan Islam, sarjana dari negara lain dijemput supaya mengajarkan ilmu di pusat ilmu Islam. Sarjana Kristian dari Bizantin, Syria, Alexandria, dan sarjana lain dari Jundi Shahpur, India, dibawa ke universiti Islam di Baghdad. Mereka menjadi ejen pencipta dan pengimport ilmu ke dalam bahasa Arab tinggi. Amalan ini memang sudah lama berjalan, dan dapat dipertingkatkan dengan memberikan tumpuan dan arah yang dikehendaki.

### Membina Ilmu Sains Peribumi

Menyampaikan ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu tinggi, merupakan strategi bagi memastikan nilai yang terkandung dalam bahasa dan budaya Melayu itu dapat membantu sarjana kita mengekalkan kreativiti peribumi. Yang kita maksudkan dengan kreativiti peribumi itu adalah seperti yang berlaku terhadap kreativiti Jepun. Dengan sains

dan teknologi yang mereka ada, mereka akan menggunakan daya kreativiti Jepun bagi menghasilkan sesuatu produk.

Sebagai contoh, Jepun mempunyai kreativiti membuat bonsai. Pokok epal yang besar akan dibongsaikan menjadi sebesar pokok bunga di dalam pasu. Apabila mereka membeli hak cipta ketuhar gelombang mikro, saiznya sebesar bilik darjah. Minda kreativiti peribumi Jepun sudah "membongsaikan" ketuhar tersebut. Maka itu, lahirlah ketuhar gelombang mikro kecil yang dapat diletakkan di atas meja apabila digunakan.

### Membina Pelbagai Ilmu

Penumpuan kita kepada bidang sastera kreatif dalam pembangunan bahasa kita telah menghasilkan banyak karya besar dalam bidang sastera. Hal ini bagus untuk sastera dan dapat diteruskan kelangsungannya. Namun demikian, bidang kreatif ini tidak membangunkan kepustakaan Melayu dalam pelbagai bidang lain seperti sains dan teknologi. Maka itu, hal ini perlu diberikan perhatian, serta dirancang secara sedar dan teratur.

Sesungguhnya, tidak ada negara yang membangunkan tamadun dan peradaban melalui bahasa orang lain. Sekiranya ada pun negara yang maju dengan menggunakan kepustakaan dalam bahasa orang lain, peradaban itu bukanlah peradabannya sepenuhnya, sebaliknya hanya merupakan ekstensi tamadun atau peradaban bangsa penutur asli bahasa itu. Hal ini tidak akan pernah menjadi nukleus peradabannya sendiri. **PB**



Pokok bonsai merupakan hasil kreativiti bangsa Jepun.